



Mencerap Puisi, Mencerakin Makna dan

penyairan

Puisi ialah hasil kesatuan segala unsur sebuah puisi. Bermula dengan sesuatu yang telah dirasakan, difikirkan, dan ditafsirkan, akan meluap-luap ingin dicipta dan dikongsikan - sepuasnya, mungkin dalam 100 baris/larik, atau mungkin sepadatnya melalui sebaris frasa/ayat, paling tidak empat baris; contoh, puisi karya Sitor Situmorang bertajuk "Malam Lebaran": Bulan di atas kuburan. Demikian juga "Kamar", karya Karim Mohd: "melihatmu/aku ingin keluar/tetapi aku pintu" (Kumpulan Puisi *Nokturna*, 2018:99).

Sebuah puisi ibarat sebuah taman bunga mini yang dipenuhi pelbagai jenis bunga yang berwarna-warni, dilatari dedaun menghijau, pohon renek di kiri dan kanan lorong kecil. Apakah dan siapakah yang berupaya menghasilkan taman mini yang indah dan membahagiakan ini? Tentunya kebijaksanaan pakar yang memilih bunga dan dedaunan yang beraroma, dengan pelbagai warna, juga pepohon yang indah dipandang. Mungkin dilatari lagi dengan air terjun, kolam dan sungai kecil, bunyi kicauan unggas-unggas, dan dihiasi rama-rama berterbangan.

Demikian juga sebuah karya atau hasil penulisan, dalam hal ini - puisi. Kata kuncinya - keupayaan menanggapi dan mengungkapkan rasa dan pemikiran. Kata Dharmawijaya bahawa

puisi itu, "... dihubungkan dengan sesuatu yang indah, mulia dan bagus ... puisi adalah hasil proses penciptaan yang tinggi nilai seninya. ..." (*Berkenalan dengan Puisi*, 1998). Dharmawijaya juga memetik pandangan J.E.Tatengkeng tentang puisi sebagai, "... Gerakan sukma/Yang berpancaran dalam mata/Terus menjelma/Ke indah kata. ..." sementara Samuel Taylor Coleridge berpendapat bahawa puisi itu sebagai, "... *The best words in their best order...*"

Dengan premis yang demikian, 12 buah puisi pilihan *Dewan Sastera* (DS) Bil. 6 2018, "dibaca" dan dicerap, serta dicerakin berdasarkan kebijaksanaan dan ketelitian penyair memilih kata/diksi yang indah, dan tepat serta padat untuk mengungkapkan hasil pemikirannya, amanat yang ingin dikongsikan oleh penyair yang sudah matang/lama berkarya atau yang baharu berkarya. Yang diutamakan mudah - kebijaksanaan mencerap, perkara yang ingin dikongsikan, kemampuan mencerakin kata-kata, kehebatan penguasaan bahasa, dan menyerlahkannya melalui penyusunan puisi/karya mereka. Jika wujud keupayaan ini pasti terhasil sebuah puisi yang mantap dan indah.

Syabas dan tahniah kepada penyair yang karyanya terpilih menghiasi halaman Puisi Bulan Ini (PBI): Noor Aisyah Maidin ("Lelaki yang Membawa Bunga Popi", hlm. 74), Muhamad Shahidan ("Tinggalkan", hlm. 74), Muhamad Fazrin ("Setelah Parti Bersurai", hlm. 74), Abdullah Hussaini ("Pemburu Tua", hlm. 75), Noor Aisyah Maidin ("Bilah", hlm. 75), Ria Asmira ("Sikeru Naspas", hlm. 75), Kamal Sujak ("Waktu Tidak Mampu Menidurkan Kepedihan", hlm. 76), Peter Augustine Goh ("Apa Gunanya", hlm. 76), Sarra Leya ("Darimu Ramadan", hlm. 76), Ramlan Abd. Wahab ("Pemimpin yang Dicari", hlm. 77), Lara Mn ("Keraguan", hlm. 77), dan Noor Aisyah Maidin ("Sketsa Fragmen yang Kautinggalkan", hlm. 77).

Tahniah kepada Noor Aisyah Maidin, penyair yang terpilih menghiasi Karyawan Bulan Ini (KBI), tahniah juga kerana DS Bil. 5 2018 telah memilih puisinya berjudul "Radiasi" (hlm. 71) yang boleh dibaca menambah cerapan dan cerakinan, sangat bertuah penyair ini! Syabas dan tahniah.

Sesungguhnya, dalam usaha mencari dan mencipta kelainan, penyair cenderung memilih kata-kata/diksi yang ada kalanya sangat bombastik, kemudian mencipta pula frasa/ungkapan, ayat dan metafora, sungguhpun sedap dibaca, berbunyi "indah", namun apabila cuba dicerakin maknanya, sangat peribadi atau absurd. Ada kalanya, hanya

penyair sahaja yang tahu maksudnya, seperti: "mantan manusia", "diguyur hujan", "bilah", "sikeru naspas", "menggelinjang mesra", "benang minda", "dahan cinta", "dedaun sayangmu". Posisifnya, pengkritik boleh "menduga-duga" makna dan mesej/amanat.

Mohamad Shahidan melalui "Tinggalkan", dapat dikesan sangat berhati-hati dalam pemilihan kata/diksi, penyusunan larik ke larik, bait/stanza ke bait/stanza. Garapan pemikiran yang ingin dikongsikannya mudah dibaca atau dicerap. Pemilihan tajuk juga menepati pandangan Mohamad Shahidan tentang sifat puisi - kesatuan. Puisi "Tinggalkan" juga mudah, namun tetap bermutu/baik. Bentuk luaran boleh dikesan, iaitu ada pengenalan kepada perkara yang ingin dikongsikan, ada huraian dan ada kesimpulan/penutupnya. Puisi ini juga satu nasihat dan peringatan yang memanfaatkan kiasan/lambang: "Kalau tak lagi dapat mengurai/kusut yang lusuh dan panjang itu".

Mengapa? Kerana: "kerana senja sebentar lagi akan sampai/membawa kau ke dalam kelam/yang lebih panjang/dan resah/yang lebih mendalam". Sebagaimana tajuk puisi, nasihat Mohamad Shahidan, mudah dikesan pada bait kedua: "Tinggalkan saja benang itu/pinta teman yang bertandang dengan selamba ... kau nanti akan lebih aman/dan malammu akan lebih pendek".

Pembaca boleh menanggapi bahawa memilih kata "mengurai/menghurai", "kusut yang lusuh dan panjang itu", mudah kita kaitkan dengan "benang" - boleh kusut dan lusuh. Ibarat sesuatu yang rumit yang sukar dicari penyelesaian - sukar dihurai/dilerai.

Sungguhpun puisi "Tinggalkan" ini pendek sahaja, namun apa yang digarap, memungkinkan kita memberi tafsiran pelbagai kemungkinannya - "sahsia" yang kalut atau "siasah" yang kalut.

Kesan cerapan dan cerakinan untuk "Tinggalkan" berbeza pula selepas apresiasi terhadap puisi yang juga pendek, "Setelah Parti Bersurai" karya Muhamad Fazrin. Kata "parti" boleh dikaitkan dengan "pesta berhibur". Penciptaan ungkapan, "bendera koyak" dan "seorang tua mengerekot", "perca-perca kain", "selimut kepercayaan", "menghangatkan diri sendiri", dan "sejuk kemunduran", boleh dikaitkan dengan hal ehwal semasa setelah PRU, atau suatu perkara yang lama dan sudah lusuh. Namun, apakah yang boleh diharap dengan "perca-perca kain", "selimut kepercayaan", untuk "menghangatkan diri sendiri", daripada "sejuk kemunduran"? Penyair mengajak pembaca untuk bermuhasabah.

Abdullah Hussaini dalam "Pemburu Tua", menceritakan tentang sebuah kehidupan, ibarat "pemburu" yang telah dituakan" oleh "lentur waktu": "lentur waktu menuan susuknya/ kedut menampal kulit si pemburu/zat pengalaman/memejalkan otot fikirannya/ memintarkan akhir putusannya". Boleh dikaitkan kepada sesebuah pengalaman yang bermutu.

Sungguhpun ungkapan "otot fikiran", pelik, namun masih boleh kita kaitkan dengan sesuatu yang kuat dan kukuh. "Putusannya" (pemburu tua), dikaitkan dengan keputusan atau perhitungan yang dipintarkan. "Zat pengalaman" juga ikut mendewasakan sehingga "pemburu tua" berupaya "tahu arah" - "tahu arah tanpa jalan/walau gelap mengaburi pandangan". Tanpa "peta", pemburu tua tetap selamat: "dengan senapang/dia memburu rezeki, membidik sasaran/dan mengutip hasilnya".

Demikianlah: "seorang pemburu tua/memikul buruan di bahu/berjalan pulang/menyandang senyum puas". Namun, seperti manusia biasa yang lain: "tidak tahu bila tarikh tepat/kematian membidiknya".

Puisi karya Ria Asmira yang mungkin dicipta dalam suasana PRU, teksnya boleh dikaitkan dengan hal ehwal politik semasa. Puisi ini sudah pasti sedap dibaca dan dideklamasikan, berikutan penyair memilih puisi berbentuk pengulangan dan repitisi. Penyair sengaja mengulang perkataan/frasa atau ayat yang sama secara berturut-turut. Pemilihan kata/diksi mudah dicerap dan dicerakin.

"Sikeru Naspa" ini berbentuk pengulangan kata/ungkapan pada permulaan klausa: "kerana sikeru naspa/ semua jadi gila/semua jadi sasau/ semua jadi lupa/semua jadi angau/ semua pasang perangkap/semua pasang jerangkap/semua tahan lukah". Demikian pengulangan/repitisi yang boleh mengakibatkan kesan monotonus, namun indah hasilnya.

Namun, apakah yang dimaksudkan Ria Asmira dengan "Sikeru Naspa"?

"Screw the National Party"? Boleh juga. Kesimpulan ini berkemungkinan jika teks diteliti bermula baris pertama hingga ke-37. Namun, akibat tajuk (penyair sahaja yang tahu apakah maksud sebenarnya) sebegini, penganalisis boleh sahaja mengaitkannya dengan mesej yang samar.

Puisi ini boleh dibahagikan kepada lima bahagian: pertama: "Jangan takut/ sila mendekat"; kedua: "sikeru naspa/ banyak warna ..."; ketiga: "kerana sikeru naspa/semua jadi gila ..."; keempat: "menang bukannya senang ..."; dan kelima: "naspa sikerul!". Dari baris ke baris, cukup jelas kesatuannya. Ungkapan "Sikeru Naspa" itu - absurd! Jelas penyair sahaja tahu apakah makna, sebenarnya apakah "Sikeru Naspa" itu? Kata-kata tanpa arti? Akronim? Setelah memikirkannya sejak menerima puisi ini, editor berbisik, "Kerusi Panas." Hal ini mengaitkan teks drama pentas "Kerusi karya Marzuki Ali!

Inilah juga puisi terpanjang - 39 baris. Sesungguhnya dalam sesebuah karya seperti puisi, "judul/tajuk", boleh dikesan semudahnya akan kaitannya dengan teks, iaitu perkara yang diperkatakan. Ada penyair yang sukar mencari tajuk, ada yang mudah. Ada yang mudah dikaitkan dengan isi, ada yang sukar. "Sikeru Naspa" menggarap tentang kerancangan dan keriuhan berpolitik seluruh rakyat yang disimpulkan Ria Asmira dengan kata "banyak" dan "semua".

Pemilihan kata juga padat dan tepat menggambarkan suasana, perasaan, pemikiran: warna, pilihan, rebutan, cawangung, lompat, cantas, janji, melopong, tohmah, gila, sasau, lupa, simpati, empati, semuanya disimpulkan: "menang bukannya senang/kalau tidak semestinya selalu" dan diakhiri dengan kesinisan: "naspa sikerul!".

Dalam "Waktu Tidak Mampu Menidurkan" karya Kamal Sujak, puisi ini menyatakan bahawa, "Waktu tidak mampu menidurkan/segala kepedihan" "aku", supaya ketika "siang aku terjaga

demi/menghadam segala kerumitan/ yang teranyam di gebar perasaan."

Apakah yang mengakibatkan "kepedihan" dan "kerumitan" kepada "aku"? Puncanya boleh dikesan pada stanza/bait kedua: "sisa hitam noda" yang membuat "aku" "malu pada tuhan yang memerhati/di setiap langkah kekhilafan diri".

Kesimpulan "aku" - "Benarlah/ waktu tidak sekalipun mampu/menidurkan kepedihan kita". Puisi ini juga tidak sukar ditelahi. Tidak wujud kesukaran mencari yang tersirat di sebelah yang tersurat, atau membaca lapisan-lapisan makna. Terdapat beberapa ungkapan mudah seperti: "menidurkan segala kepedihan", "kuhirup kedewasaan", "senyumammu menghiris-hiris keegoanku", "impian kita yang tak henti digoda rasa", dan "menidurkan kepedihan kita".

Proses pembentukan ungkapan segar ini memungkinan juga pembentukan beberapa metafora yang mudah dikesan seperti "gebar perasaan", "hitam noda", "gelang rasa", dan "langkah kekhilafan". Namun, nilai-nilai estetika, ketinggian nilai kesenian yang berupaya dibentuk, dengan sendirinya juga mampu meningkatkan keindahan, terutama jika penyair membuat suntingan akhir, sebagaimana contoh berikut: gebar rasa, langkah khilaf, menghiris egoku. Namun, sekali lagi puisi ini tersangat mudah.

Penyair Peter Augustine Goh, antara penyair mapan yang terpilih puisinya untuk menyantuni PBI dengan puisi bertajuk "Apa Gunanya" (ZA: "Apa Gunanya?"). Penyair melontarkan "kegunaan" atau "manfaat": pangung - penonton, rumah tangga - kasih sayang, rumah - penghuni, cincin cinta - jari kasih. Penyair, berdasarkan kemahirannya menghasilkan puisi, mengajak pembaca untuk berfikir tentang "kewajaran kegunaan", keperluan seharian kita, sebagai contoh: Bergunakah lagi sebuah panggung yang tiada penonton, yang ada "berselerak sunyi/diriuhkan sepi". Panggung ini tiada erti lagi. Kesimpulan penyair terkumpul pada stanza kelima.

Penyair seterusnya mempersoalkan lagi bergunakah "... berumah tangga/kalau patah kasih sayang", sedangkan yang terkumpul hanya "riuh pilu/diseipkan hiba kalbu".

Penyair terus bertanya tentang kegunaan "cincin cinta" yang tinggal "tersarung di jari kasih" yang tidak lagi "menggetel mesra".

Sungguhpun demikian kebijaksanaan penyair, kemahiran berkarya menyerlah pada pemilihan kata/diksi yang tepat dan sesuai, dan ungkapan/frasa yang segar. Sesungguhnya, penyair mapan berupaya memilih perkara yang mudah, sama ada membuat fikiran kita bekerja keras daripada biasa, atau ibarat memetik jari "memanggil makna/tafsiran". Sungguhpun mudah, terselit juga kata-kata yang sukar, dan jarang digunakan, seperti "menggelinjang" dan "pawaka" (stanza keempat) "tak lagi menggelinjang mesra/ke seluruh hati/ terbebat dingin urai nadi/dihangatkan pawaka ketidakserasian". Kata "pawaka" bermaksud "api" (Selangor), dan yang menarik kata "gelinjang" dikaitkan dengan kuda - kerana suka mendompak-dompak/melonjak-lonjak/meloncat-loncat.

Sarra Leya, memilih tema ketuhanan atau kerohanian dalam puisi "Darimu Ramadan", mengandungi 14 baris dalam lima bait. Dalam proses mencerakin dan mencerap rakaman rasa dan pemikiran penyair terhadap bulan Ramadan (yang memang kita nanti-nantikan), memang jelas dari kata ke kata, baris ke baris, stanza ke stanza, garapan pernyataan "aku" kepada Tuhan: Allah, yang memerlukan tanda baca yang rumusnya ada jika dikaitkan dengan "pentasdiikan keesanan" Allah Tuhan yang satu, maka cara mengeja juga jelas: menuju kepada-Mu, di bawah dalam cinta-Mu, namun tiba ke stanza kelima, "Di taman kasihmu Ramadan" boleh diterima, sebab yang difokus penyair ialah "bulan Ramadan". Penciptaan metafora juga jelas dalam "tunas insaf", "bunga takwa", "pohon cinta", "kantung hati".

Melalui "Pemimpin yang Dicari" nukilan Ramlan Abd. Wahab, hasil pemikirannya dan harapannya berkaitan "pemimpin yang dicari" menemukan pelbagai jenis pemimpin. Namun yang jelas, bukan pemimpin yang pentingkan populariti "dikerumuni", "selesa bersendir" (*lone kasih*) - buat keputusan ikut suka/sendiri-sendiri, "pengecut" - "lari bersembunyi".

"Pemimpin" pada Ramlan Abd. Wahab haruslah sentiasa "...di hadapan/ berpakaian warisan/merintis jalan-jalan meneroka hutan/juga pemimpin dan memberi laluan/sekali-sekala menyusur di belakang/mencari yang hilang/selepas simpang-simpang". Penyair terus menghuraikan ciri-ciri pemimpin yang berjaya dan baik pada stanza ketiga dan keempat: "... mengibarkan maruah dan keadulatan/ mengangkat yang ingin meningkat/ dan gigih memanjat/ yang sekali-sekala turun ke bawah/menyambut yang jatuh rebah", "di samudera dialah mengemudi bahtera/merempuh gelora/ dan menyelam ke dasar lautan/memilih mutiara kebenaran". Tidak dilupakan juga pemimpin yang dikaitkan dengan ketakwaan beragama, "di mimbar dia gemetar/roh ikrarnya menggelestar".

Kesimpulannya ada pada stanza keenam, bahawa akan ditemui juga "setitik dua", jika kita cari "titik-titik hitam", sebabnya - pemimpin tetap manusia biasa, seperti juga "di tubuh kau yang tidak sempurna/sesempurna-Nya".

"Keraguan" garapan Lara MN, menempati tajuknya, mengungkapkan akibat jika ada sikap berburuk/ ada "prasangka". Namun, apakah yang membuat seseorang ke "daerah prasangka"? Perlu ditanggapi sendiri. Dikesan juga kata dalam "Keraguan" ini yang menjadi lambang yang boleh memberi makna yang konotasinya negatif, contoh "segerombolan aneh". Hal ini kerana "gerombolan" biasanya dikaitkan dengan haiwan liar, berkelieran, bersifat rakus dan ganas - "segerombolan

musang/anjing" yang jika dikaitkan dengan manusia, pastinya kumpulan yang berperangai buruk, jahat, seperti "segerombolan perompak", berbanding "sekelompok/sekumpulan", dapat dikesan kehalusan pengucapannya.

Inilah juga yang menjadi kata kunci kepada seluruh puisi "Keraguan". Ungkapan: "bagai perkuburan/ yang jarang diziarah", secara automatik menggambarkan perkuburan yang penuh pokok besar, rumput/lalang terbiar. Sementara "langit kamar" yang dikaitkan dengan "sepiring sengsara/ ke kolong cakerawala", "menatap lohong keraguan luluh", "dalam neraka persepsi yang marak/membakar kelambu kepercayaan", adalah "tanda" - negatif yang dikaitkan dengan "keraguan" sebagaimana "marahkan nyamuk, kelabu dibakar". Inilah yang ingin diutarakan oleh Lara MN, ini juga disimpulkan dalam stanza ketiga: "Keraguan itu bakal pupus/ setelah segala-galanya terbakar/dan sesal lambat tiba/ke daerah prasangka".

Syabas dan tahniah kepada penyair Noor Aisyah Maidin yang mendapat penghormatan terpilih sebagai Karyawan Bulan Ini (KBI). Tiga buah puisinya terpilih mengisi halaman PBI: "Lelaki yang Membawa Bunga-Popi" (hlm. 74), "Bilah" (hlm.75) dan "Sketsa Fragnen yang Kautingalkan" (hlm. 77).

Dalam proses mencerap dan mencerakin sembilan buah puisi oleh sembilan orang penyair PBI, contoh analisis PBI yang tersiar dalam DS Bil. 5 2018 juga dibaca, ditemuilah puisi "Radiasi" nukilan Noor Aisyah Maidin yang dibicarakan oleh Salman Sulaiman. Maka untuk berlaku adil, "Radiasi" juga dibaca.

Salman Sulaiman berpandangan mesej yang ingin disampaikan oleh Noor Aisyah dalam "Radiasi" sebagai "begitu samar". Setelah "Radiasi" dan tiga buah puisi lain dibaca - dicerap dan dicerakin, sesungguhnya, ada kata/diksi yang dipilih boleh ditemui dalam puisi yang dibaca yang disenangi oleh penyair, ada juga yang boleh menimbulkan kesukaran pentafsiran.

Dalam "Radiasi" ditemui: jerumut, segara, dini (7), syuruk, tesaurus diari, waham, menyeringai pupsa, bius momen, dipulangkannya, mantan manusia, ipuh kata, dan sebagainya. Antara kata-kata yang juga dianggap Salman Sulaiman sebagai sukar difahami, iaitu imej yang agak peribadi sifatnya yang membuatkan "pembacaan" tidak lancar.

Latar belakang pendidikan Noor Aisyah yang memilih ijazah Bahasa Melayu dan Kesusasteraan pasti memberi kelebihan kepada penyair ini. Manipulasi bahasa melalui *poetic licence* itu perlu dan harus dibuat dengan kesedaran, bukan sesukanya - "mantan manusia", "tesaurus diari", "syuruk" antara yang terasa pelik.

Noor Aisyah juga memanfaatkan beberapa kata secara konsisten. Hal ini jelas dalam puisi yang telah dibaca - contohnya "bius" dalam "Radiasi", ada dalam "Lelaki yang Membawa Bunga Popi", iaitu "terbius". Kata "Wasangka" ditemui dalam "Radiasi" dan "Bilah", kata "lalang" dalam "Radiasi" ditemui dalam puisi "Sketsa Fragmen yang Kautinggalkan" dalam bentuk "lalang".

Seperkeranya yang menarik perhatian, ialah kata "masyuk" dalam "bagai mawar masyuk/bermegah rindu-rinduan". Jelas yang dimaksudkan adalah "maksyuk" sebagaimana dalam "asyuk-masyuk". Ini ketidaktelitian yang menjejaskan pencarian makna. Hal ini demikian kerana, jika dieja masyuk, seolah-olah kata "masuk", yang kerap disebut dan dieja "masyuk" sedangkan "masyuk" yang sepatutnya dieja "maksyuk" akan berbeza maknanya.

Kecenderungan Noor Aisyah dalam pemilihan kata, dan penciptaan ungkapan metafora ini, ada kalanya baik, namun sekadar "indah" sahaja, berkemungkinan menjadikan pengucapannya sangat peribadi, iaitu "samar-samar" maksudnya.

Dalam "Lelaki yang Membawa Bunga Popi", puisi ini jelas berbicara tentang "kemabukan". Malah kata "bunga popi"

itu mudah dikaitkan dengan kata "asyuk/mengasyukkan", dan ditambah pula dengan kata/diksi lain seperti "diseduh", "merasuk", "pramofrin", dan "terbius".

Puisi "Bilah" pula menggarap perasaan yang bercelaru, tersirat dan tersurat dalam kata/ungkapan: "terleka", "bidikan mata panah merobek luka", "rindu pun/tidak waras" untuk "menimbang antara/sabar dan wasangka". Dalam puisi ini, penyair memilih pemendekan kata atau sinkope: "tika", namun jika dipilih "ketika" akan lebih indah dan sedap dibaca. Pemilihan kata "Bilah" sebagai tajuk tidak tepat. Sementara itu "kitakah", berfungsi sebagai kata tanya yang wajar diakhiri dengan tanda tanya - "kitakah?".

Puisi ketiga bertajuk "Sketsa Fragmen yang Kautinggalkan" (Engkau Tinggalkan) menggarap cerita tentang "keperitan", dicerap melalui frasa "malam mencekik nafas", "siang meluluh ubun-ubun", "mimpi ngeri", "lombong igau", "jari impi beripuh bisa", "bidik di jantung / meluruh nyawa", "kan kubawa ke kampung diam" (jika kata asal akan, sepatutnya dieja: "kan). Seperti kata "bilah", konotasinya - sesuatu yang tajam, kata "lalang" juga membawa konotasi - "sesuatu yang tajam". Sungguh ngeri membaca kedua-dua puisi ini.

Sesungguhnya, panjang atau pendek sesebuah puisi itu bukanlah jaminan akan ditemui keindahan sebagaimana yang diperkatakan oleh Dharmawijaya atau Samuel Taylor Coleridge dan Sapardi Djoko Damono. Ketiga-tiga penyair terkenal ini menyebut tentang pemilihan kata, penggarapan pemikiran/perasaan yang menuntun kebijaksanaan penyair yang pasti menghasilkan karya yang indah atau sebaliknya. Seperti kata Sapardi Djoko Damono dalam buku apresiasi puisinya - "Bilang begini, maksudnya begitu", kita pasti tidak akan lupa sebaris puisi Sitor Situmorang "Bulan di atas kuburan" dalam "Malam Lebaran".

Dipetik puisi pendek Karim Mohd. (Kumpulan Puisi Nakturna, 2018:99) bertajuk "Cermin":

Cerminku pecah seribu kukutip serpihannya satu-satu tanpa sedar aku sedang mengutip diri sendiri kucantumkan cermin dan di situ muncul wajah yang tak pernah kuenal.

Puisi T. Alias Taib "Sajak Umno kepada Pas" dalam *Serberkas Kunci* (1985) juga sangat mudah dan padat:

Tak mampukah lagi kita kumpulkan suara hulurkan tangan gantikan tembok dengan jambatan?

Pada masa yang sama, bacalah juga puisi Zaen Kasturi "Ingatan kepada Kawan xxxiv", sepanjang 53 baris, dalam 14 bait/stanza (*Kumpulan Puisi: 77 Tuju*, 2015:40-41).

Dirumuskan hasil cerapan dan cerikan 12 buah puisi dalam PBI, *Dewan Sastera* Bil. 6 2018, dengan memetik pandangan Sapardi Djoko Damono,

"... penyair memang sering dikatakan bisa mencipta bahasa 'baru' kerana memiliki licentia poetica atau hak khusus dalam menulis sastera. Setidaknya mampu dan memiliki hak untuk menciptakan ungkapan baru ... kalau mahu mengadakan pembaharuan dalam puisi, penyair harus menciptakan bahasa 'baru', yakni yang mengandungi ungkapan yang belum pernah difikirkan oleh penyair, atau pengarang sebelumnya ... (hlm. 72)

... bagi kebanyakan pembaca sekarang sajak tersebut memang "gelap" bukan kerana larik-lariknya riwet sehingga tidak bisa difahami tetapi terutama disebabkan oleh pilihan kata. Banyak antara kita tentu akan terpaksa membuka kamus untuk mengetahui makna kata-kata... (hlm. 175).

Puisi yang baik, wajar dibaca semudahnya, dicerap dan dicerakin semudahnya tanpa perlu membuat rujukan, yang mungkin membantutkan pembacaan, atau pencerikan. ☒